

TEKS UCAPAN

YANG BERBAHAGIA PROF. DR. ASMADI BIN MOHAMED NAIM NAIB CANSELOR

SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN MINGGU SILATURAHIM (MSR) FEBRUARI 2023

11.00 pagi

16 Februari 2023 (Khamis) Dewan Eksperimental, UniSHAMS

Salurtasi

الحمد لله رب العلمين. والصلاة و السلام على رسوله الأمين.

وعلى اله وصحبه أجمعين. أما بعد:

(Bismillahirrahmannirrahim,

Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin,

Was-solatu was-salamu 'ala Rasulihil-amin,

Wa'ala aalihi wasohbihi ajma'in.. : amma ba'du)

Yang berusaha Saudara Pengerusi Majlis;

Yang Berusaha

Prof. Madya Dr. Wan Nazjmi bin Mohamed Fisol

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa

Yang Berusaha

Haji Mohd Fahmi bin Sheikh Omar

Pendaftar

Yang Berusaha

Puan Hajjah Molyna binti Mohd Annuar

Bendahari

Yang Berusaha

Dr Nadia Murshida binti Abd Azzis

Penasihat Undang-Undang

Yang Berusaha

Encik Mohd Marwan bin Salleh

Pengarah Pusat Hal Ehwal Pelajar

Profesor-profesor, Dekan-dekan, Pegawai Akademik dan Bukan Akademik UniSHAMS

Ketua-ketua Unit Pusat Hal Ehwal Pelajar

Yang Berusaha

Saudara Muhammad Hasif bin Hasrin,

Presiden Majlis Perwakilan Mahasiswa UniSHAMS,

Barisan Kepimpinan Majlis Perwakilan Mahasiswa (MPM) UniSHAMS) Para pelajar baru UniSHAMS Sesi Feb 2023

Asslamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

KATA PEMBUKA

- Alhamdulillah, marilah bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-NYA, maka dapat bertemu dan berkenalan mesra dalam MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN MINGGU SILATURAHIM (MSR) SESI FEBRUARI 2023 pada pagi yang berbahagia ini.
- 2. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada lebih 130 orang pelajar baharu UniSHAMS yang berada dalam dewan ini dan setinggi-tinggi tahniah kerana saudara dan saudari sekalian terpilih untuk mendaftar dan menyambung pengajian di UniSHAMS. UniSHAMS akan menjadi sebuah institusi untuk membentuk keperibadian saudara dan saudari, dibimbing untuk menjadi graduan profesional selaras dengan misi UniSHAMS iaitu Melahirkan Ilmuan Yang Holistik Dan Profesional Berakhlak Mulia.
- 3. Mahasiswa & Mahasiswi sekalian,

Saban tahun Minggu Silaturrahim atau ringkasnya MSR dianjurkan oleh UniSHAMS adalah untuk meraikan para pelajar baharu yang telah terpilih melanjutkan pengajian di universiti ini. Begitulah juga halnya di universiti-universiti lain di Malaysia dan malah di dunia, program seperti MSR ini turut dikelolakan, mungkin dengan pelbagai nama atau jenama seperti Minggu Haluan Siswa, Minggu Suai Kenal atau Minggu Orientasi.

UCAPAN NAIB CANSELOR SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN MINGGU SILATURAHIM (MSR) FEBRUARI 2023

- 4. Saya percaya dan yakin barisan pengurusan dan pensyarah yang berpengalaman di UniSHAMS akan sentiasa memberikan sepenuh tenaga bagi mentadbir dan juga menyalurkan ilmu pengetahuan kepada para pelajar sekelian secara kreatif dan inovatif bertepatan dengan moto UniSHAMS "Melestarikan Ilmu Melalui Kebijaksanaan".
- 5. Untuk pengetahuan para pelajar sekalian, UniSHAMS telah membuat pelbagai penambahbaikan bagi memberikan akses yang terbaik kepada setiap pelajar, antara yang terkini adalah memastikan capaian portal pelajar berjalan dengan lancar dan baik. Usaha ini telah perlu diberikan ucapan tahniah dari Majlis Perwakilan Mahasiswa yang tidak jemu menyuarakan pandangan dan cadangan agar kebajikan mahasiswa terbela, Alhamdulillah.

SIGNIFIKAN MINGGU SILATURRAHIM

6. Untuk sesi Akademik Februari 2023, hampir 130 orang pelajar telah mendaftar ketika ini bermula pada, 1 Februari 2023 yang lalu. Jesteru sepanjang MSR Februari 2023 yang telah bermula pada 12 Feb yang lalu InsyaAllah akan berakhir pada 16 Feb 2023, iaitu pada hari ini. Sepanjang MSR ini, para pelajar baharu ini telah didedahkan dengan pelbagai taklimat dan pengisian yang memberi peluang kepada mereka untuk mengenali UniSHAMS dengan lebih dekat, mengetahui fungsi jabatan, pusat dan bahagian yang bertanggungjawab yang ada di UniSHAMS dan sebagainya.

PESANAN KEPADA PARA PELAJAR

7. Mahasiswa dan mahasiswi baharu sekalian,

Sebagai seorang mahasiswa yang sedang mencari ilmu, saudara/i perlu memahami dan menganalisa fakta serta memimpin orang lain atau rakan sekelas kerana itu adalah sifat sebagai seorang mahasiswa/i yang berjaya. Sebagaimana yang pernah ditulis oleh Prof Ir. Dr. Wan Hamidon dan Norngainy dalam tulisannya, 'Mahasiswa Bertaraf Dunia', seorang mahasiswa yang bertaraf dunia mempunyai kematangan dalam berfikir, berani, bersemangat kental, kreatif, kritis dan menguasai kemahiran-kemahiran insaniah atau softskills.

Selain itu, terdapat tiga ciri utama dalam menjadi seorang mahasiswa/i yang berjaya adalah:

- 1. Idealisme
- 2. Intelektualisme
- 3. Aktivisme
- 8. Anak-anak pelajar sekalian,

Idealisme mahasiswa merupakan perjuangan ke arah sesuatu yang lebih baik, berasaskan ilmu dan ketulusan hati. Ia berbangit dari kesedaran dan bersifat dinamik bersesuaian dengan suasana semasa. Idealisme yang mampu bertahan dari cuaca zaman sudah tentu berbangkit dari misi dan misi yang jelas terhadap tujuan penciptaan manusia di bumi oleh Allah SWT.

Intelekualisme pula menurut Kamus Dewan adalah 'pengabdian kepada penggunaan intelek atau daya berfikir', manakala seorang intelektual didefinisikan oleh kamus tersebut sebagai golongan terpelajar, cerdik pandai atau cendekiawan.

Justeru, apabila mahasiswa dikatakan memiliki ciri intelektualisme, syarat pelengkapnya adalah sikap cintakan ilmu dan keghairahan berfikir. Keutamaan orang yang berilmu pengetahuan telah termaktub dalam **Surah al-Mujadalah ayat Ke-11**.

يَاتُهَا الَّذِيْنَ الْمَنُوَّا اِذَا قِيْلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوْا فِى الْمَجْلِسِ فَافْسَحُوْا يَنْ الْمَجْلِسِ فَافْسَحُوْا يَوْفَعِ اللهُ الَّذِيْنَ الْمَنُوْا يَوْفَعِ اللهُ الَّذِيْنَ الْمَنُوْا مِنْكُمْ وَاللهُ لِمَا تَعْمَلُوْنَ خَبِيْرٌ مِنْكُمْ وَاللهُ بِمَا تَعْمَلُوْنَ خَبِيْرٌ

11. Wahai orang-orang yang beriman! Apabila dikatakan kepadamu, "Berilah kelapangan di dalam majelis-majelis," maka lapangkanlah, niscaya Allah akan memberi kelapangan untukmu. Dan apabila dikatakan, "Berdirilah kamu," maka berdirilah, niscaya Allah akan mengangkat (derajat) orang-orang yang beriman di antaramu dan orang-orang yang diberi ilmu beberapa derajat. Dan Allah Mahateliti apa yang kamu kerjakan.

Ciri ketiga seorang mahasiswa adalah **aktivisme**. Ciri terakhir ini merupakan suatu kuasa atau '*force*' yang menggerakkan suatu perubahan sama ada sosial, politik, budaya dan sebagainya. Aktivisme berkait rapat dengan idealisme dan intelektualisme iaitu kedua-duanya menjadi pemangkin kepada aktivisme. Apabila mahasiswa tahu apa yang diperjuangkan dan mahu mengaplikasikan pengetahuan yang diyakininya, maka ia mampu menggerakkan perubahan.

9. Satu ungkapan terbaik yang dapat menjelaskan aktivisme boleh diambil dari kata-kata bekas Naib Canselor Universiti Malaya, Profesor DiRaja Ungku Aziz. Katanya, "Biarlah mahasiswa mencabar asalkan sambil itu mereka belajar. Belajar sambil mencabar, pengetahuan tidak berjuntai seperti pisang, bangsamu tidak termaju tanpa pemimpin, berpengalaman (mencabar) dan terpelajar."

UCAPAN NAIB CANSELOR SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN MINGGU SILATURAHIM (MSR) FEBRUARI 2023

10. Mahasiswa & Mahasiswi sekalian,

Marilah kita renungkan kembali beberapa petua atau tips kejayaan yang telah Allah SWT titipkan di permulaan surah Al-Mu'minun, surah yang ke-23 di dalam lembaran Al-Quran.

23. Dan sungguh, Kami telah mengutus Nuh kepada kaumnya, lalu dia berkata, "Wahai kaumku! Sembahlah Allah, (karena) tidak ada tuhan (yang berhak disembah) bagimu selain Dia. Maka mengapa kamu tidak bertakwa (kepada-Nya)?"

- 1. Keyakinan, kepercayaan and keimanan kepada Allah SWT
- 2. Fokus, bersungguh-sungguh, sepenuh hati
- 3. Prioriti dengan mengutamakan apa yang utama
- 4. Prihatin sesama kita
- 5. Jaga hubungan antara lelaki dan perempuan
- 6. Jujur dan amanah
- 7. Tepati waktu

HARAPAN KEPADA PELAJAR BARU

11. Barisan Pengurusan UniSHAMS Yang Saya Kasihi Sekalian,

Para pelajar baharu yang berada di dapan kita pada hari ini akan melafazkan ikrar mereka sebentar lagi dan dengan itu rasmilah mereka semua menjadi pelajar UniSHAMS. Ikrar yang bakal mereka lafazkan itu mempunyai makna dan pengertian yang amat besar. Para pelajar baru sekalian mestilah bersedia dengan rela untuk menerima budaya dan iklim pembelajaran di universiti ini serta menjunjung tinggi Perlembagaan UniSHAMS dan nilai-nilai teras UniSHAMS.

12. UniSHAMS punyai visi yang jelas menjadi Universiti Islam global dengan berintegrasikan ilmu dan kebijaksanaan. Ayuh para pelajar baru yang ada dihadapan kita semua ini bersama kita mengubah cara hidup yang lebih berilmu dan mempraktikan ilmu yang dipelajari selaras dengan Visi dan Misi Universiti. Turut serta juga barisan Pengurusan Tertinggi, pegawai-pegawai UniSHAMS bagi memastikan keselarasan dalam setiap perkara yang kita lakukan atau dalam erti kata lain ada kesatuan fikiran dan kesatuan tindakan.

PENUTUP PERASMIAN

13. Mahasiswa & Mahasiswi sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, Marilah kita sama-sama berdoa agar MSR dapat berjalan dengan lancar dan semoga Allah Taala terus melimpahkan perlindungan dan peliharaan-Nya kepada kita semua untuk terus komited berbakti untuk agama, bangsa dan tanah air yang tercinta. Tidak dilupakan juga pada Jawatankuasa Pelaksana Minggu Silaturrahim (MSR) Sesi Feb 2023 yang diketuai oleh saudara Irfan Najmi bin Jasmin, semoga anakanda semua terus istiqamah dalam menyumbang bakti kepada UniSHAMS dan seterusnya bersama masyarakat apabila tamat pengajian nanti.

UCAPAN NAIB CANSELOR SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN MINGGU SILATURAHIM (MSR) FEBRUARI 2023

14.	Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrohim, saya merasmikan Majlis
	Penutupan Minggu Silaturrahim Sesi Februari 2023. Dengan kata-
	kata itu saya sudahi ucapan saya dengan lafaz yang mulia, Wabillahi
	taufiq wal hidayah, assalamualaikum warah matullahi wabarakatuh.
	Sekian, terima kasih.
	TAMAT